



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD		
TARIKH	:	11/7/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	: 17
JABATAN	:	SPRM/ JPNP		

ISU PENCEROBOHAN TANAH

SIASATAN SPRM LENGKAP 80%

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang melengkapkan siasatan berhubung isu pencerobohan tanah kerajaan negeri Pahang yang dijadikan ladang durian secara haram di Raub.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata, setakat ini kertas siasatan sudah siap 80 peratus dan memerlukan sedikit masa untuk diselesaikan.

Menurut-

nya, pihaknya sudah memanggil peneroka dan pihak berkuasa berkaitan untuk dirakam keterangan.

"Kita harus faham, isu ini ada dua. Pertama, berbangkit soal ketidakpuasan hati masyarakat dalam kes berkenaan dan SPRM tidak boleh campur tangan kerana ia membabitkan siasatan pihak berkuasa lain.

"Kedua, isu

rasuah. Kita sudah buka fail siasatan untuk tindakan lanjut. Beri kami masa kerana kes ini bukanlah kes baharu, ianya kes yang sudah lama berlaku," katanya.

Pada 1 Ogos lalu, Kerajaan Pahang mula bertindak tegas dalam menangani kegiatan pengusaha kebun durian di Raub yang diusahakan secara haram di atas tanah kerajaan negeri.

Tindakan itu dilakukan berikutan kerajaan negeri mengalami kerugian kira-kira RM30 juta dalam tempoh 10 tahun akibat kehilangan hasil cukai tanah dari kebun haram termasuk di kawasan hutan simpan.

Antara kawasan dusun durian di Raub adalah Hutan Simpan Gunung Benom, sekitar Sungai Ruan, Sungai Chalit serta Tranum dan Tras.



“
Kami sudah
panggil peneroka
dan pihak
berkuasa untuk
beri keterangan
Azam